

# KATEKESE@RUMAH 2021 #8

## "JANGAN RAGU-RAGU LAGI. PERCAYALAH"

(HARI MINGGU PASKA KE - 2)



Disediakan oleh Pusat Katekatikal Keuskupan,  
Keuskupan Agung Kuala Lumpur



### **PENGENALAN**

Bahan ini telah disediakan sebagai satu peluang untuk keluarga berkumpul dan meluangkan masa bagi berbincang dan membuat refleksi tentang Bacaan Injil bagi Hari Minggu Paska Ke-2. Hari ini juga Gereja merayakan Hari Minggu Kerahiman Ilahi.

### **BAGAIMANA CARANYA UNTUK MENGGUNAKAN BAHAN INI**

Dokumen ini mengandungi pelbagai jenis aktiviti, yang mana ahli keluarga boleh menyelesaikannya secara persendirian (hanya kanak-kanak sahaja), secara berdua (dengan bantuan ibu/bapa), atau sebagai satu keluarga. Iubapa disarankan untuk mencetak bahan ini, agar setiap ahli keluarga dapat bersama-sama menjalankan semua aktiviti pada masa yang sama.

### **BILA PERLU MENGGUNAKAN BAHAN INI**

Pada minggu selepas keluarga telah merayakan Misa Hari Minggu Paska Ke-2.

### **DOA PEMBUKAAN**

Allah Bapa di syurga, kami berkumpul di sini dalam nama Yesus. Engkau memberikan kami hidup baru melalui Putera-Mu, Yesus. Bantu kami untuk terus yakin dan percaya pada-Nya. Roh Kudus, Roh Kedamaian, bimbinglah kami dalam perhimpunan bersama keluarga kami. Dalam nama Yesus kami memohon. Amen.



## **RENUNGAN SABDA**

Jemput seseorang untuk membaca Bacaan dari Yohanes 20: 19 - 31. Kemudian, sebagai satu keluarga, buat refleksi ke atas pertanyaan-pertanyaan yang telah disediakan, dan kongsi pendapat anda bersama ahli keluarga. Sekiranya perlu, ibubapa boleh mengubah-suai.

## **MASA UNTUK RENUNGAN DAN RESPONS:**

- Apakah kerisauan/kegelisahan anda dalam menghadapi pandemik Covid-19 ini? Kenapakah anda merasakan demikian?
- Bagaimanakah hubungan anda dengan Yesus ketika menghadapi kerisauan/kegelisahan tersebut?
- Apakah yang anda rasa Tuhan ingin berbicara atau menunjukkan kepada anda melalui keadaan semasa ini?

Sejak tahun lepas sehingga hari ini, merupakan suatu tempoh masa yang sangat membimbangkan orang ramai. Walaupun keadaan Covid-19 semakin bertambah baik, kebanyakan kita masih berasa bimbang akan kesejahteraan orang-orang yang kita sayangi, kesejahteraan negara kita serta seluruh dunia. Bilakah ia akan berakhir? Mampukah semuanya kembali menjadi normal?

Tomas meragui kerana dia tidak dapat melihat Yesus Yang Telah Bangkit. Dia ingin melihat bukti yang Yesus telah bangkit. Kita juga mungkin mempunyai kerisauan dan kegelisahan pada saat ini kerana kita tidak dapat "melihat" apa yang akan berlaku pada masa hadapan.

Yesus berkata kepada Tomas: "Jangan ragu-ragu lagi. Percayalah." Hari ini, Yesus memberi jaminan yang sama pada kita. Allah sememangnya maha pengasih dan penyayang. Dia memahami kerisauan kita dan memberi jaminan bahawa Dia ada bersama kita, dan telah menampakkan rahmat kerahiman Ilahi-Nya. Marilah kita terus mempercayai-Nya – walaupun di saat-saat yang paling sukar.

## **AKTIVITI-AKTIVITI SUSULAN**

Pada muka surat seterusnya, terdapat beberapa aktiviti untuk kanak-kanak, yang berkisarkan tentang Bacaan Injil pada minggu ini. Pilihlah mana-mana aktiviti yang anda ingin lakukan bersama anak-anak anda, tetapi jika boleh, buatlah semua aktiviti yang ada!

**Aktiviti #1: Cari Perkataan.**


|   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| M | G | C | A | R | K | J | N | M | O | I | N | A | T |
| M | S | P | U | T | U | U | L | T | U | I | R | A | J |
| G | L | A | P | A | N | U | I | T | T | E | N | P | R |
| T | U | T | U | P | A | G | G | A | T | G | A | M | S |
| T | I | M | A | N | A | A | P | P | A | O | A | G | T |
| T | C | L | U | B | A | N | G | N | A | A | M | U | A |
| I | I | T | I | T | A | P | G | M | G | N | N | A | T |
| U | P | U | J | N | A | M | P | U | N | I | M | U | S |
| A | A | K | A | E | P | M | I | N | G | G | U | I | N |
| T | L | A | A | L | J | T | N | U | A | A | I | T | C |
| U | A | T | K | N | Y | T | N | N | M | G | U | N | T |
| A | P | T | A | P | P | E | R | C | A | Y | A | L | C |
| T | A | I | Y | P | I | A | M | A | D | N | S | C | B |
| U | T | N | I | P | M | T | P | I | A | A | T | G | A |

TANGAN MINGGU PERCAYA  
 LUBANG LAPAN PINTU  
 DAMAI TAKUT AMPUNI  
 JARI TUTUP TOMAS



**Aktiviti #2: Cari Perbezaan.**

# CARI PERBEZAAN DI BAWAH




Tomas menjawab Dia: “Ya Tuhanku dan Allahku!” Kata Yesus kepadanya: “Karena engkau telah melihat Aku, maka engkau percaya. Berbahagialah mereka yang tidak melihat, namun percaya.” – AVB 20: 28 – 29

**Aktiviti #3: Selesaikan Teka Silang Kata.**

**Yesus Menampakkan Diri-Nya Pada PengikutNya**

Tetapi Tomas berkata kepada mereka: “Sebelum aku melihat bekas paku pada tangan-Nya dan sebelum aku mencucukkan jariku ke dalam bekas paku itu dan mencucukkan tanganku ke dalam lambung-Nya, sekali-kali aku tidak akan percaya.”  
Yohanes 20: 25



**MELINTANG**


- 3. Bahagian anggota tubuh dari siku sampai ke hujung jari
- 5. Perbuatan melanggar hukum dan perintah Allah
- 6. Ruang untuk keluar dan masuk dalam sesebuah bangunan, bilik, dll
- 7. Berasa waswas terhadap; tidak mempercayai; berasa sangsi

**MENEGAK**

- 1. Pengikut Yesus yang tidak mempercayai tanya melihat dengan mata sendiri
- 2. Keyakinan terhadap sesuatu walaupun tiada bukti
- 3. Tidak buka
- 4. Perasaan sangat suka; besar hati; bangga
- 5. Tidak berperang atau tidak bermusuhan dll; aman
- 6. Benda yg tajam hujungnya serta berkepala dan digunakan utk melekatkan dua benda yg hendak dirapatkan

|               |              |              |                |                |
|---------------|--------------|--------------|----------------|----------------|
| <b>IMAN</b>   | <b>TOMAS</b> | <b>PINTU</b> | <b>TUTUP</b>   | <b>MERAGUI</b> |
| <b>TANGAN</b> | <b>DOSA</b>  | <b>PAKU</b>  | <b>GEMBIRA</b> | <b>DAMAI</b>   |

**Aktiviti #4: Cari Jalan dari Meragui kepada Percaya.**



**Dari Meragui**

**Kepada Mempercayai**

**Aktiviti #5: Susun semula Perkataan-perkataan ini.**



Copyright © In Touch Ministries  
 "Stop doubting and believe."  
 John 20:27

**AKPU**

|  |   |  |  |
|--|---|--|--|
|  | 4 |  |  |
|--|---|--|--|

**SKEBA**

|  |  |  |  |   |
|--|--|--|--|---|
|  |  |  |  | 5 |
|--|--|--|--|---|

**GTNNA**

|   |  |  |  |  |  |
|---|--|--|--|--|--|
| 1 |  |  |  |  |  |
|---|--|--|--|--|--|

**MUNBGAL**

|  |  |   |  |  |  |
|--|--|---|--|--|--|
|  |  | 3 |  |  |  |
|--|--|---|--|--|--|

**SADO**

|  |   |  |  |
|--|---|--|--|
|  | 2 |  |  |
|--|---|--|--|

|   |   |   |   |   |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---|---|---|---|---|

## Aktiviti #6: Cari Perkataan.

### Yesus Menampakkan Diri-Nya Pada PengikutNya


Tetapi Tomas berkata kepada mereka: "Sebelum aku melihat bekas paku pada tangan-Nya dan sebelum aku mencucukkan jariku ke dalam bekas paku itu dan mencucukkan tanganku ke dalam lambung-Nya, sekali-kali aku tidak akan percaya."  
Yohanes 20: 25



|                  |                 |                |               |                  |
|------------------|-----------------|----------------|---------------|------------------|
| <b>BERSAMA</b>   | <b>MERAGUI</b>  | <b>PERCAYA</b> | <b>TEPI</b>   | <b>MENYENTUH</b> |
| <b>KEHIDUPAN</b> | <b>MEREKOD</b>  | <b>PINTU</b>   | <b>TOMAS</b>  | <b>PENGIKUT</b>  |
| <b>MENGUNCI</b>  | <b>MUKJIZAT</b> | <b>TANDA</b>   | <b>TUNJUK</b> | <b>TANGAN</b>    |
| <b>YESUS</b>     |                 |                |               |                  |

**Aktiviti #7: Selesaikan Teka Silang Kata.**

# JANGAN RAGU-RAGU, PERCAYALAH!



**MELINTANG**

- 2. Perbuatan melanggar hukum dan perintah Allah
- 3. Pengikut Yesus yang tidak percaya tanpa melihat
- 7. Berasa yakin akan benarnya atau adanya sesuatu, biarpun tanpa bukti
- 8. Murid-murid Yesus
- 10. Ruang untuk keluar masuk

**MENEGAK**

- 1. Tidak dibuka
- 2. Tenteram dan tenang, tidak berkonflik
- 4. Senang hati, suka hati, kegembiraan, kegirangan
- 5. Berasa bimbang atau berasa ragu-ragu
- 6. Bahagian anggota tubuh dari siku sampai ke hujung jari
- 8. Benda yang tajam hujungnya serta berkepala dan digunakan atas kayu untuk melekatkan dua benda yg hendak dirapatkan
- 9. Dua orang anak yang dikandung dan dilahirkan bersama-sama

**TUTUP**

**DOSA**

**SUKACITA**

**TOMAS**

**PAKU**

**DAMAI**

**TANGAN**

**PINTU**

**KEMBAR**

**SANGSI**

**PERCAYA**

**PENGIKUT**

## Aktiviti #8: Isikan tempat kosong.

### Yesus Menampakkan Diri-Nya Pada PengikutNya

Tetapi Tomas berkata kepada mereka: "Sebelum aku melihat bekas paku pada tangan-Nya dan sebelum aku mencucukkan jariku ke dalam bekas paku itu dan mencucukkan tanganku ke dalam lambung-Nya, sekali-kali aku tidak akan percaya."

Yohanes 20: 25



Ketika hari sudah malam pada hari pertama minggu itu berkumpul murid-murid Yesus di suatu tempat dengan pintu-pintu yang terkunci kerana mereka takut kepada orang-orang Yahudi. Pada waktu itu datanglah \_\_\_\_\_ dan berdiri di tengah-tengah mereka dan berkata: "Damai sejahtera bagi kamu!" Dan sesudah berkata demikian, Ia menunjukkan \_\_\_\_\_Nya dan \_\_\_\_\_Nya kepada mereka. Murid-murid itu bersukacita ketika mereka melihat Tuhan.

Tetapi \_\_\_\_\_, seorang dari kedua belas murid itu, yang disebut Didimus, tidak ada bersama-sama mereka, ketika Yesus datang ke situ. Maka kata murid-murid yang lain itu kepadanya: "Kami telah \_\_\_\_\_ Tuhan!" Tetapi Tomas berkata kepada mereka: "Sebelum aku melihat bekas \_\_\_\_\_ pada tangan-Nya dan sebelum aku mencucukkan \_\_\_\_\_ ku ke dalam bekas paku itu dan mencucukkan tanganku ke dalam lambung-Nya, sekali-kali aku tidak akan \_\_\_\_\_."

Lapan hari kemudian murid-murid Yesus berada kembali dalam rumah itu dan Tomas bersama-sama dengan mereka. Sementara pintu-pintu \_\_\_\_\_, Yesus datang dan Ia berdiri di tengah-tengah mereka dan berkata: "Damai sejahtera <sup>t</sup> bagi kamu! " Kemudian Ia berkata kepada Tomas: "Taruhlah jarimu di sini dan lihatlah tangan-Ku, ulurkanlah tanganmu dan cucukkan ke dalam lambung-Ku dan jangan engkau \_\_\_\_\_, melainkan percayalah. "

Tomas menjawab Dia: "Ya Tuhanku dan Allahku"

|         |          |         |       |         |
|---------|----------|---------|-------|---------|
| MERAGUI | TERKUNCI | PERCAYA | JARI  | LAMBUNG |
| TOMAS   | MELIHAT  | PAKU    | YESUS | TANGAN  |



**Aktiviti #9 – Warnakan gambar Yesus, Kerahiman Ilahi.**



## Aktiviti #10 – Seni Kraftangan Tangan yang Berbelas kasihan

Aktiviti ini akan membantu kanak-kanak untuk mendapatkan idea untuk kerja-kerja amal berbelas kasihan dengan menggunakan tangan-tangan mereka. Jari-jari mewakili jalur pancaran dari hati Tuhan kita yang berbelas kasih didalam imej Kerahiman Ilahi.

Anda akan memerlukan:

- Kertas putih
- Pen maker
- Krayon atau pensil warna

Arahan-arahan:

1. Tekapkan tapak tangan kanak-kanak ke atas kertas dengan ibu-ibu jari dan jari telunjuk bersentuhan sehingga membentuk sebuah hati. Anda juga boleh menggunakan templet tangan sediaada yang telah siap ditekap.
2. Minta anak-anak anda untuk menulis pada setiap jari, kerja amal berbelas kasihan yang mereka boleh lakukan.
3. Warnakan tangan-tangan untuk mewakili Darah dan Air (boleh guna warna merah dan biru) iaitu sebuah symbol imej Kerahiman Ilahi. Minta anak anda untuk menulis sebuah mesej kepada Yesus dan nama mereka dibahagian dalam bentuk hati itu.

Contoh:

